

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

20 SEP USM TAWAR DWI IJAZAH LAKSANA PENDIDIKAN FLEKSI



Program Dwi Ijazah

Terbuka Kepada Semua Pelajar Tahun 2 USM
Tarikh tutup permohonan : **30 September 2016.**
Hubungi: Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh USM
Tel: 046536197/3264/ 3286. Faks: 046576000.
Emel: tda_cde@usm.my. Web: pppjj.usm.my

Inovasi
dalam Pendidikan
Education Beyond Classroom



USM, PULAU PINANG, 20 September 2016 - Para pelajar tahun kedua Universiti Sains Malaysia (USM) kini berpeluang mendapat ijazah Sarjana Muda kedua bukan dalam bidang yang sama dengan pengajiannya sekarang selaras dengan pelaksanaan pendidikan fleksi dengan jumlah pengambilan terhad mulai sidang akademik ini.

Menurut Naib Canselor Profesor Dato' Dr. Omar Osman, Senat USM pada Jun lalu telah meluluskan penawaran program dwi ijazah ini yang membolehkan pelajar pengajian sepenuh masa mengikuti program ijazah yang kedua secara pendidikan jarak jauh dan diperakukan oleh Lembaga Gabenor USM untuk dilaksanakan mulai sidang pengajian ini.

"Penawaran pengajian dwi ijazah merupakan inovasi dalam pendidikan tinggi yang memberi peluang untuk pelajar mendapat dua ijazah pada masa yang sama melalui Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh mulai sidang akademik 2016/2017 kepada pelajar USM dan hanya ditawarkan di kampus induk Pulau Pinang," kata Omar.

Sebagai permulaan, USM menawarkan 4 program pengajian untuk dwi ijazah kepujian iaitu Sarjana Muda Sains, Sarjana Muda Sastera, Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dan Sarjana Muda Pengurusan.

Jelas Omar, program ini membolehkan pelajar yang cemerlang dan berkemampuan mengambil dua program ijazah sarjana muda berbeza dalam sesuatu tempoh pengajian dan akhirnya akan berijazah dengan dua-dua program ijazah sarjana muda berkenaan dalam melebarkan pengalaman pembelajaran dan pengetahuan serta meluaskan peluang pekerjaan.

"Penawaran program dwi ijazah ini akan dapat melahirkan bakat selaras dengan keperluan negara dan masa depan scenario global yang membolehkan mereka merancang masa hadapan dalam menghadapi cabaran ekonomi terbuka yang membolehkan mereka mempunyai nilai tambah di pasaran kerja," kata Omar.

Jelasnya, usaha ini juga menjadikan mereka lebih kompetitif dalam ekonomi global melalui kombinasi kurikulum pengajian serta pelbagai kemahiran di samping memanfaatkan teknologi untuk kemajuan diri dalam jangka panjang.

Tarikh tutup permohonan ialah 30 September 2016. Maklumat lanjut hubungi: Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh Tel: 046536197/3264/3286. Faks: 046576000. Emel: tda_cde@usm.my (mailto:tda_cde@usm.my). (mailto:tda_cde@usm.my) Web: ppjj.usm.my

Teks: Mohamad Abdullah



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>)

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015